

TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DR. HAILI BIN DOLHAN
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

SEMPENA

**‘MAJLIS MAKAN MALAM
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
BERSAMA URUS SETIA JPN PAHANG’**

PADA

**24 APRIL 2018 (SELASA)
8.00 MALAM**

**BERTEMPAT DI
THE ZEN STUDIO, THE ZENITH HOTEL
KUANTAN, PAHANG**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam NegaraKu Malaysia.

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Dihormati
Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Tian Haji Zaimi bin Abu Bakar
Wakil kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pahang

Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya, pada malam yang berbahagia ini, kita dapat berkumpul di dalam Majlis Makan Malam SPP Bersama Urus Setia JPN Pahang.

Hadirin sekalian

2. Untuk makluman semua, majlis makan malam ini diadakan sebagai tanda penghargaan kepada urus setia JPN Pahang yang telah terlibat dalam Program Bersepadu SPP Bil.2/2018 di Kuantan khususnya dalam Program Bual Bicara Bersama Warga Pendidikan di Pahang dan Program Konsultasi Tatatertib dan Perkhidmatan yang telah diadakan pagi tadi.

Hadirin sekalian

3. Program Bersepadu SPP Bil.2/2018 kali ini telah bermula dengan Majlis Pelancaran Pelaksanaan Sistem ePROPER dan Taklimat Sistem ePROPER Projek Rintis Bagi Negeri Pahang pada 23 April 2018.

4. Pada pagi tadi juga telah berlangsung Program Bual Bicara Bersama Warga Pendidikan Negeri Pahang yang mana telah dijayakan oleh Ahli Suruhanjaya dengan tajuknya “Peranan Sekolah dalam Pembangunan Negara Bangsa Maju”. Program bual bicara kali ini merupakan edisi ketiga bagi tahun ini selepas penganjuran di Sibuan, Sarawak dan Simunjan, Sarawak. Melalui program ini SPP dan ASJ telah dapat menyelami isu dan permasalahan di akar umbi selain menjadi medan bertukar dan berkongsi pengalaman antara ASJ dan barisan hadapan pendidikan Pahang.

5. Program Konsultasi Tatatertib dan Perkhidmatan juga telah diadakan pada pagi tadi dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada Warga Pendidikan di Negeri Pahang. Program ini diadakan bertujuan membincangkan kes perkhidmatan dan tatatertib secara lebih spesifik mengikut pegawai masing-masing.

Hadirin sekalian,

6. Sebelum saya mengakhiri ucapan aluan ini, ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian urus setia JPN atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan dan atas kehadiran ke Majlis Makan Malam ini. Semoga majlis ini akan menjadi jalinan silaturahim dan tautan kasih antara barisan ASJ, Pengurusan SPP dan urus setia JPN Pahang.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.